

**METODE PENFATWAAN JAWATANKUASA
FATWA NEGERI PERAK: ANALISIS
TERHADAP FATWA-FATWA
NEGERI PERAK DARI
TAHUN 2016 HINGGA 2019**

MUHAMMAD NAZIRUL BIN MOHD SABRI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**METODE PENFATWAAN JAWATANKUASA
FATWA NEGERI PERAK: ANALISIS
TERHADAP FATWA-FATWA
NEGERI PERAK DARI
TAHUN 2016 HINGGA 2019**

oleh

MUHAMMAD NAZIRUL BIN MOHD SABRI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2024

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Rasulullah SAW, para Sahabat serta semua kaum muslimin dan juga muslimat. Bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan inayah-Nya, pengkaji dapat menyiapkan tesis berkaitan pengaplikasian metode penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak: Kajian terhadap fatwa-fatwa dari tahun 2016 hingga 2019. Semoga kajian ini mampu memberi sumbangan ilmu bagi kajian-kajian yang berkaitan penyelidikan fatwa di masa akan datang.

Dalam menyiapkan tesis ini, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pertamanya, jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia yang juga ayahanda dan mentor saya, Prof. Madya Dr. Jasni bin Sulong yang banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar, sokongan dan dorongan yang tidak terkira dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada beliau dan sentiasa dalam rahmat Allah SWT.

Kedua, pengkaji juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Mufti Perak terutamanya Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Negeri Perak dan Dato' Ustaz Haji Zamri bin Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak kerana memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian di jabatan tersebut. Buat Ustaz Haji Kamaruddin bin Adam, Ustaz Hafiz bin Sulaiman, Ustaz

Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizdi dan staf-staf Jabatan Mufti Perak, jutaan terima kasih pengkaji ucapkan atas bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Jasa kalian tidak akan dilupakan.

Ketiga, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada majikan saya iaitu En. Yang Sharkawi bin Shaharum dan bekas majikan iaitu En. Mohamad Rozi bin Ngadiran yang telah membenarkan saya melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah sehingga kajian ini disiapkan.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa tidak dapat diucapkan dengan kata-kata kepada kedua ibu bapa dan ibu bapa mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda. Saya juga bersyukur ke hadrat ilahi, dengan segala nikmat yang telah diberikan, berkat dorongan dan kesabaran isteri tercinta Puan Nor Azlina bt. Md Saleh, anak-anak tersayang Nur Ayuni Salmiah dan Muhammad Hud Thaqif, saya menguatkan keazaman dalam diri untuk menyiapkan kajian. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan mengurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan buat kalian semua. Amīn Yā Rabb al-‘ālamīn.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH.....	xiii
DAFTAR TRANSLITERASI	xiv
SENARAI STATUT.....	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN.....	xx
ABSTRAK	xxi
ABSTRACT	xxii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Definisi Operasional Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian.....	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian.....	14
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Kajian Terdahulu	15
1.8.1 Kajian Berhubung Metode Penfatwaan.....	15
1.8.2 Kajian Berhubung Jabatan Mufti Negeri Perak	20
1.8.3 Kajian Berhubung Fatwa Majlis Fatwa	
Kebangsaan Malaysia dan Negeri-Negeri Lain.....	24

1.9	Metodologi Kajian.....	30
1.9.1	Metode Pengumpulan Data	31
1.9.1(a)	Metode Dokumentasi	31
1.9.1(b)	Metode Temubual.....	33
1.9.2	Metode Analisis Data	35
1.9.2(a)	Metode Deduktif	35
1.9.2(b)	Metode Induktif	36
1.9.2(c)	Metode Komparatif.....	37
1.10	Kesimpulan.....	37

BAB 2 KONSEP FATWA DAN METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA

2.1	Pengenalan	39
2.2	Definisi Fatwa dan Ijtihad	41
2.2.1	Definisi Fatwa	41
2.2.2	Definisi Ijtihad.....	43
2.2.3	Analisis Persamaan dan Perbezaan antara Fatwa dan Ijtihad.....	48
2.3	Dalil Pensyariatan Fatwa dan Ijtihad.....	49
2.4	Hukum Berfatwa dan Berijtihad serta Kepentingannya.....	55
2.5	Peranan Ijtihad dalam Pembinaan Fatwa	59
2.5.1	Keperluan Ijtihad.....	60
2.5.2	Bidang-Bidang Ijtihad	61
2.5.2(a)	Bidang Perbankan dan Kewangan	61
2.5.2(b)	Bidang Sains dan Perubatan.....	62
2.5.2(c)	Bidang Sains dan Teknologi Maklumat.....	62
2.6	Definisi Mufti dan Mujtahid	64

2.6.1	Definisi Mujtahid.....	64
2.6.2	Definisi Mufti	66
2.6.3	Analisis Perbezaan antara Mujtahid dan Mufti.....	69
2.7	Metode Penfatwaan.....	70
2.7.1	Menguasai <i>Fiqh al-Wāqi'</i> (Fiqh Realiti).....	72
2.7.2	Mengambil kira Autoriti Sumber dalam Proses <i>Istidlāl</i> dan <i>Istinbat</i>	74
2.7.3	Mengambil kira 'illah Sesuatu Hukum	82
2.7.4	Mengaplikasi <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i>	85
2.8	Langkah Utama dalam Penyelidikan Fatwa.....	88
2.8.1	<i>Al-Taṣawwūr</i>	89
2.8.2	<i>Al-Takyīf</i>	91
2.8.3	<i>Bayān al-Hukm</i>	91
2.8.4	<i>Al-Iftā'</i>	96
2.9	Kesimpulan	99

BAB 3 SEJARAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN PERKEMBANGAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

3.1	Pengenalan	101
3.2	Sejarah Perkembangan Agama Islam di Negeri Perak.....	102
3.3	Sejarah Pentadbiran Undang-undang Islam di Negeri Perak	103
3.3.1	Zaman Sebelum Penjajahan British.....	104
3.3.2	Zaman Semasa Penjajahan British	127
3.3.3	Zaman Selepas Kemerdekaan.....	137
3.4	Jawatan Mufti Perak.....	141
3.5	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak	151

3.6	Metode Penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak	177
3.6.1	Peringkat dan Proses Penghasilan Fatwa.....	178
3.6.1(a)	Peringkat Permohonan Fatwa	181
3.6.1(b)	Peringkat Penyelidikan Fatwa.....	184
3.6.1(b)(i)	Metode Asas Penyelidikan Fatwa JFNPk	186
3.6.1(c)	Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.....	190
3.6.1(d)	Peringkat Pewartaan Fatwa.....	194
3.8	Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa dan Autoritinya	199
3.9	Autoriti Fatwa di Mahkamah Syariah dan Sivil.....	202
3.10	Kesimpulan.....	204

BAB 4 ANALISIS METODE PENFATWAAN DALAM FATWA- FATWA

NEGERI PERAK DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019

4.1	Pengenalan	207
4.2	Analisis Fatwa-Fatwa dari Tahun 2016 Hingga 2019.....	211
4.2.1	Analisis Fatwa-Fatwa yang Diwartakan	212
4.2.1(a)	Fatwa Berkennaan Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal dan Institut Islam Lain	212
4.2.1(b)	Fatwa Mengenai Larangan Penggunaan, Pemakaian dan Pengamal <i>Tawajjuh</i> <i>Khatamun Al-Nubuwah</i>	229
4.2.1(c)	Fatwa Mengenai Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid dan Ruang Solat Utama di dalam Masjid	243
4.2.1(d)	Fatwa Mengenai Pengharaman Upacara	

	Perbomohan Ibrahim bin Mat Zin.....	253
4.2.1(e)	Fatwa Mengenai Status Tapak Wakaf Khas Masjid yang Telah Tidak digunakan.....	265
4.2.1(f)	Fatwa Pengharaman Pengajaran Tarekat Amirul Mukminin Abu Bakar As-Siddiq RA Pimpinan Haji Ismail bin Alang Muhammed.....	277
4.2.1(g)	Fatwa Mengenai Hukum Bahan Pewarna <i>Cochineal</i> : Kajian Semula Kadar Piawaian yang ditetapkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.....	284
4.2.1(h)	Fatwa Mengenai Hukum Menggunakan DNA untuk Menentukan Status Nasab Anak dan Tempoh Melaksanakan <i>Li ’ān</i> untuk Menafikan Nasab Anak.....	294
4.2.1(i)	Fatwa Mengenai Hukum Penyaluran <i>Gharamah</i> Institusi Kewangan Islam ke Baitulmal	305
4.2.1(j)	Fatwa Mengenai Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional	317
4.2.1(k)	Fatwa Mengenai Hukum Jual Beli dan Pelaburan Emas yang dijalankan oleh Syarikat Genneva Malaysia Sdn. Bhd	329
4.2.1(l)	Fatwa Mengenai Hukum Penghasilan <i>Monosodium Glutamate</i> (MSG) Menggunakan Mikroorganisma Terubahsuai.....	339

4.2.2	Analisis Fatwa-Fatwa yang tidak Diwartakan	349
4.2.2(a)	Pindaan Tanah Wakaf Perkuburan Lot 4943 dan 2056 Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang kepada Wakaf ‘Am	349
4.2.2(b)	Pembangunan di atas Tanah Lot 14764 Jalan Banjar, Masjid Tinggi, Bagan Serai untuk Pertimbangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Bil 208/2016.....	358
4.2.2(c)	Kewajipan Zakat Perniagaan ke atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Perak Darul Ridzuan	362
4.2.2(d)	Hukum Syarak Berkaitan Penggunaan Wang Wakaf Tunai Bagi Projek Wakaf Bot	369
4.2.2(e)	Hukum Syara’ Berhubung Cadangan <i>Istibdāl</i> Tanah Wakaf Khas Saraan Masjid Solatiah Lot 24465	374
4.2.2(f)	Kebenaran Operasi Pusat Rekreasi Memancing di atas Tanah Wakaf Khas Masjid al-Husainiah Kg. Ulu Chemor di Sebahagian Lot 99660, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta	377
4.2.2(g)	Hukum Syara’ Berkaitan Penggunaan Tapak dan Bangunan Masjid Lama <i>al-Ithar</i> kepada Pusat Komuniti dan Perpustakaan Desa Lot 3321, Kampung Layang-Layang Kanan, Mukim Layang-Layang, Daerah Perak Tengah.....	382
4.2.2(h)	Hukum Syara’ Berkaitan Penggunaan Tapak dan Bangunan Masjid Lama al-Attar Kepada Pondok	

Moden Darussalam As-Safiah Layang Kanan	387
4.2.2(i) Pelupusan Hasil Tunggakan Sewa/Pajakan Aset Baitulmal.....	391
4.2.2(j) Status Sumbangan Peruntukan Kewangan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk Tujuan Pembangunan Mewakaf serta Hasil yang Terbit daripada Sumbangan	395
4.2.2(k) Hukum Syarak Berkaitan Status Pengeluaran Hasil Hutan dan Galian/Sumber Mineral Hasil Bumi di Tanah Wakaf	401
4.2.2(l) <i>Asnaf Al-Riqāb</i>	405
4.2.2(m) Penetapan Beras Fitrah bagi Tahun 1440H/2019M.....	410
4.3 Perbincangan	417
4.4 Kesimpulan	433
BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP	
5.1 Pengenalan	435
5.2 Rumusan Dapatan Kajian.....	435
5.3 Saranan Dan Cadangan	444
5.3.1 Cadangan Terhadap Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	445
5.3.2 Cadangan Terhadap Jabatan Mufti Negeri Perak	447
5.3.3 Cadangan Terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk).....	450
5.3.4 Cadangan Terhadap Penyelidik Baharu	452
5.4 Kesimpulan	452

SENARAI RUJUKAN	454
LAMPIRAN	
SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.2 Senarai 99 peruntukan dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak.....	108
Jadual 3.4 Perbandingan sebahagian peruntukan antara Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan Undang Islam sebenar.....	120
Jadual 3.6 Senarai fasal Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak berdasarkan undang-undang Islam	125
Jadual 3.8. Senarai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak antara tahun 1963 hingga tahun 1977.....	155
Jadual 3.9 Senarai ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak antara tahun 1977 hingga tahun 1981.....	156
Jadual 3.11 Jawatan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.....	158
Jadual 3.12 Latar belakang pendidikan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi penggal 2021 hingga 2023.....	168
Jadual 3.17 Senarai sumber hukum penyelidikan JFNPk.....	187
Jadual 4.1 Senarai fatwa yang diwartakan.....	208
Jadual 4.2 Senarai fatwa yang tidak diwartakan.....	209
Jadual 4.3 Jadual pembahagian isu fatwa antara tahun 2014 hingga 2019.....	210
Jadual 4.4 Nisbah perkongsian untung antara pelanggan dan bank.....	326
Jadual 4.5 Perbezaan di antara SSP akad <i>al-qard</i> (riba) dan SPP akad.....	327
Jadual 4.6 Pengaplikasian langkah utama penyelidikan fatwa.....	417
Jadual 4.7 Pengaplikasian metode penfatwaan.....	419
Jadual 4.8 Pengaplikasian sumber dalam proses <i>istidlāl</i> dan <i>istinbat</i>	422
Jadual 4.11 Senarai bahan rujukan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak	428
Jadual 4.12 Kecenderungan keterikatan dengan mazhab	431

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Carta alir metode penfatwaan isu kontemporari.....
Rajah 2.2	71
Rajah 2.3	Carta alir metode penfatwaan isu tradisional.....
Rajah 2.3	72
Rajah 2.4	Langkah utama dalam penyelidikan fatwa.....
Rajah 2.4	89
Rajah 3.1	Pengklasifikasian sumber hukum untuk proses ijтиhad
Rajah 3.1	93
Rajah 3.2	Salinan naskah halaman akhir Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak
Rajah 3.2	107
Rajah 3.3	Pecahan peruntukan undang-undang dalam Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak
Rajah 3.3	112
Rajah 3.5	Pecahan bilangan peruntukan berasaskan undang Islam dan adat Melayu lama
Rajah 3.5	124
Rajah 3.7	Analisis pecahan bidang syariah berdasarkan peruntukan Undang-Undang 99 Perak berasaskan undang-undang Islam.....
Rajah 3.7	126
Rajah 3.10	Carta organisasi ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi penggal 2021 hingga 2023
Rajah 3.10	157
Rajah 3.13	Kelulusan tertinggi ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) bagi penggal 2021-2023
Rajah 3.13	171
Rajah 3.14	Pengkhususan Ijazah Doktor Falsafah ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk)
Rajah 3.14	173
Rajah 3.15	Pengkhususan pengajian ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi penggal 2021-2023
Rajah 3.15	174
Rajah 3.16	Struktur pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Rajah 3.16	179
Rajah 3.18	Carta alir proses penghasilan fatwa dan <i>irsyad</i> hukum.....
Rajah 3.18	198
Rajah 4.9	Peratus pecahan penggunaan sumber hukum
Rajah 4.9	425
Rajah 4.10	Perbandingan penggunaan sumber primer dan sekunder
Rajah 4.10	426

DAFTAR TRANSLITERASI

Jadual transliterasi adalah seperti berikut:

Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
أ	alif	Ā
ب	ba'	B
ت	ta'	T
ث	tha'	Th
ج	jim	J
ح	ha'	H
خ	kha'	Kh
د	dal	D
ذ	dhal	Dh
ر	ra'	R
ز	zay	Z
س	sin	S
ش	shin	Sh
ص	sad	Ṣ
ض	dad	D
ط	ta'	ṭ
ظ	za'	ẓ
ع	‘ayn	,
غ	ghayn	gh
ف	fa'	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k
ل	lam	l

م	Mim	m
ن	Nun	n
و	Waw	w
ه	ha'	h
ي	ya'	y
ة	ta' marbutah	h

Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) ٠--	a
	(dammah) ُ--	u
	(kasrah) ---	i
Panjang	ـ	ā
	أـ	ū
	إـ	ī
Diftong	أـوـ	aw
	أـيـ	ay
	ـيـ	iy / i
	ـوـ	uww

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

SENARAI STATUT

Enakmen Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu No. 1/1949

Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak No. 6/1951

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 11/1965

Enakmen Pentadbiran Agama Islam No. 2/1992

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006

SENARAI SINGKATAN

JFNPk	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
JAKIM	Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia
MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
MFK	Majlis Fatwa Kebangsaan
SPG	Skim Potongan Gaji
SWT	SubḥānAllah wa Ta‘āla
SAW	Šalla Allah ‘Alayh wa Sallam
RA	Rađia Allāh ‘Anh
ISRA	<i>International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance</i>
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
M	Masihi
H	Hijri
UiTM	Universiti Teknologi Mara
KISDAR	Kolej Islam Darul Ridzuan
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
KPTM	Kolej Poly-Tech Mara
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
KKDN	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
UNISMA	Universitas Islam Malang
IKIM	Institut Kemajuan Islam Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia

USAS	Universiti Sultan Azlan Shah
Nov	November
S.F	Sohibul Fadilah
S.S	Sohibus Samahah
MBA	<i>Master Business Administration</i>
D.P.M.P	Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak
IPG	Institut Pendidikan Guru
UTP	Universiti Teknologi Petronas
P.M.P	Darjah Paduka Mahkota Perak
B.C.M	Bintang Cemerlang Melaka
GLC	<i>Government Linked Companies</i>
UMCCed	<i>University of Malaya Centre for Continuing Education</i>
MUI	Majlis Ulama Indonesia
GMP	<i>Good Manufacturing Practice</i>
DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>
Y.Bhg	Yang Berbahagia
JAWHAR	Journal Department of Awqaf, Zakat
PLO	Programme Learning Outcome
KIM	Kolej Islam Malaya
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MIDF	<i>Malaysian Industrial Development Finance</i>
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SAC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
BSN	Bank Simpanan Nasional
SSP	Sijil Simpanan Premium

WPAR	Wakaf Perak Al-Ridzuan
Ph.D	<i>Doctor of Philosophy</i>
M.A	<i>The Master of Arts</i>
hb.	Haribulan
D.Y.M.M	Duli Yang Maha Mulia
Tn.	Tuan
AJK	Ahli Jawatankuasa
STK	Sijil Tertinggi Kolej
KPBI	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam
SMS	<i>Short Message Service</i>
Dr.	Doktor
Prof.	Profesor
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
Kg.	Kampung
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> (Latin)- pada rujukan yang sama
Cet.	Cetakan
h.	Halaman
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
no.	Nombor
<i>op.cit.</i>	<i>Opera Citato</i> (Latin) – dalam rujukan yang telah disebut
t.t	Tanpa Tarikh
T.P	Tiada Penerbit

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A Penilaian Kandungan Soalan Temu bual
- LAMPIRAN A Penilaian Kandungan Soalan Temu bual
- LAMPIRAN B Contoh Soalan Temu bual
- LAMPIRAN C Surat Mengadakan Penyelidikan
- LAMPIRAN D Galeri Gambar Sepanjang Penyelidikan
- LAMPIRAN E Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004)
- LAMPIRAN F Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak
- LAMPIRAN G Dokumen Fatwa yang Diwartakan
- LAMPIRAN H Dokumen Fatwa yang Tidak Diwartakan

METODE PENFATWAAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK:
ANALISIS TERHADAP FATWA-FATWA NEGERI PERAK
DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019

ABSTRAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) merupakan sebuah institusi agama yang mempunyai kelayakan dan autoriti sepenuhnya untuk memutuskan dan mengeluarkan fatwa di Negeri Perak berasaskan kepada metode atau manhaj tersendiri. Meskipun begitu, kajian mendapati sebahagian daripada fatwa yang telah dibincangkan oleh JFNPk berbeza metode dengan negeri-negeri lain, tiada keseragaman pada metode penfatwaan dan sangat terikat dengan mazhab al-Shāfi’ī. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti metode asas penfatwaan dalam kalangan sarjana Islam. Seterusnya mengkaji metode yang diaplikasi oleh JFNPk dengan merujuk kepada beberapa fatwa dari tahun 2016 hingga 2019 sebagai sampel kajian. Kajian juga menganalisis fatwa-fatwa yang telah diputuskan tersebut daripada sudut metode penfatwaan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan yang mana kaedah pengumpulan data, temubual, dokumentasi dan penganalisaan data disampaikan secara deskriptif. Hasilnya, kajian ini menunjukkan amalan pengeluaran fatwa oleh JFNPk mengikut metode penfatwaan yang ditetapkan oleh sarjana Islam. Kajian juga mendapati terdapat beberapa aspek metodologi yang perlu ditambah baik khususnya berkenaan autoriti sumber dalam proses *istidlāl*. Seterusnya, kajian ini mencadangkan satu modul garis panduan pengeluaran fatwa diwujudkan sebagai panduan seragam kerana sesuatu fatwa yang berasaskan keseragaman metode mampu menjamin kualiti penyelidikan fatwa dan aspek kebolehpercayaan awam.

FATWA METHOD OF THE PERAK STATE FATWA COMMITTEE:
ANALYSIS OF PERAK STATE FATWAS
FROM 2016 TO 2019

ABSTRACT

The Perak State Fatwa Committee (JFNPk) is a religious institution with full of jurisdictions and authority to decide and issue fatwas in the state of Perak based on its own methodology (manhaj). However, research has found that some of the fatwas issued by JFNPk differ in methodology from those of other states, lack uniformity in the fatwa-issuing methods, and are heavily bound to the Shāfi‘ī school of law. Therefore, this study aims to identify the basic fatwa-issuing methodologies among Islamic scholars. Subsequently, it examines the methodologies applied by JFNPk by referring to several fatwas from the years 2016 to 2019 as case studies. The study also analyzes the fatwas that have been decided in terms of their fatwa-issuing methods. The methodology of this study uses a qualitative approach by analyzing content, wherein data collection methods, interviews, documentation, and data analysis are presented descriptively. As a result, this study shows that the practice of issuing fatwas by JFNPk follows the fatwa-issuing methodologies established by Islamic scholars. The study also found that there are several methodological aspects that need improvement, especially regarding the authority of sources in the process of *istidlāl* (derivation of legal rulings). Subsequently, this study suggests the creation of a standardized guideline module for issuing fatwas, as uniformity in methodology can ensure the quality of fatwa research and public trust.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada zaman Rasulullah SAW, segala hukum adalah bersumberkan al-Quran dan fatwa-fatwa daripada Rasulullah SAW yang merujuk kepada sesuatu peristiwa, hukuman dan pertanyaan para Sahabat. Ketika ini ilmu *uṣūl al-fiqh* belum disusun oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat RA disebabkan hukum-hukum yang disyariatkan adalah perkara yang diselesaikan langsung oleh Rasulullah SAW.¹

Fatwa pula merujuk kepada penjelasan hukum Syarak terhadap sesuatu isu atau persoalan yang diajukan oleh al-mustafī. Rentetan daripada itu maka Mufti perlu menjalankan penyelidikan bagi mengetahui hukum Syarak.² Setiap fatwa hendaklah dirujuk kepada dalil-dalil dan kaedah-kaedah istinbat hukum yang khusus supaya jawapan fatwa yang dihasilkan selari dengan kehendak Allah SWT dan kepentingan umat Islam.

Proses penfatwaan berkait rapat dengan proses ijtihad, di mana syarat kelayakan dan proses penetapan hukum melalui ijtihad dan fatwa saling berkait rapat. Tanpa proses ijtihad, fatwa tidak dapat dihasilkan serta tidak mampu memenuhi dan meraikan kepentingan dan maslahah umat Islam. Sudah tentu fatwa dilihat sebagai bukan satu penyelesaian kepada sebarang kekeliruan dan masalah yang timbul, bahkan akan mencetuskan kekeliruan dan kontroversi. Dengan keadaan

¹ Hassan Hj. Ahmad & Md Salleh Hj. Ahmad. (2002). *Uṣūl Fiqh dan Qawā'id Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid. cet. 3. h. 9

² Al-Zuhaylī, Wahbah. (2008). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār Fikr. jil. 2. h. 434.

sedemikian, jawapan fatwa akan dipandang sepi atau dipertikai oleh masyarakat.³

Secara umumnya, ulama *uṣūl al-fiqh* telah membahagikan ijтиhad dan fatwa dari segi pelaksanaannya dan jumlah pelakunya kepada dua, iaitu *ijtihād fardī* (individu) dan *ijtihād jamā'i* (ijтиhad secara kolektif). *Ijtihād fardī* merujuk kepada bentuk ijтиhad perseorangan iaitu ijтиhad yang dijalankan oleh seorang mujtahid bagi menjelaskan satu persoalan hukum, manakala *ijtihād jamā'i* adalah setiap ijтиhad yang disepakati oleh sekelompok mujtahid dalam satu pandangan bagi menetapkan status hukum bagi satu permasalahan.⁴ Di peringkat awal, para ulama *uṣūl al-fiqh* tidak mendatangkan perbincangan *ijtihād jamā'i* di dalam kitab-kitab mereka, namun apabila banyak berlaku isu-isu masyarakat di dalam kehidupan yang berpunca daripada kepesatan dan perkembangan ilmu khususnya teknologi maka para ulama *muta'akhirīn* mencadangkan supaya dibuka perbincangan *ijtihād jamā'i*.⁵

Pendekatan ijтиhad secara kolektif (*ijtihād jamā'i*) dilihat menjadi amalan bagi setiap negeri dengan tertubuhnya Jabatan Mufti di setiap negeri yang mempunyai barisan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Pengaplikasian pendekatan *ijtihād jamā'i* oleh Jawatankuasa Fatwa setiap negeri dilihat mampu menjadi agen pengharmonisasian percanggahan pendapat yang berlaku dalam isu-isu fiqh, serta ia juga mampu menghimpunkan pelbagai disiplin ilmu yang akhirnya akan melahirkan satu keputusan yang sama atau yang hampir sama. Oleh itu, pendekatan ijтиhad sebegini adalah perlu bagi menghadapi perkembangan teknologi dan penemuan-penemuan baharu yang semakin kompleks dan kritikal yang memerlukan kepada satu

³ Mohd Faez Bin Mohd Shah. (2013). Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 69.

⁴ Alī Hasballah. (1396H). *Uṣūl Al-Tashrī' Al-Islamī*. Miṣr: Dār Al-Ma'ārif. h.116.

⁵ Sh'abān Muhammad Ismā'il. (1428H). "Al-Ijtihād al-Jamā'i wa Ahammiyatuhu fī Muwājahah Mushkilāt al-'Aṣr". Makkah: Ummu Quro. h.17.

bentuk ijтиhad dan fatwa baharu seiring dengan keperluan realiti semasa. Pendekatan secara kolektif sebenarnya adalah bertepatan dengan saranan Allah SWT kepada umat-Nya, sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran iaitu:

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَّمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: “dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya”.⁶

Berdasarkan amalan kebanyakan negara Islam, Mufti dan fatwa tidak dapat dipisahkan kerana Mufti diberikan peranan penting untuk menerangkan hukum-hakam agama Islam kepada masyarakat dalam bentuk fatwa. Tambahan pula perubahan zaman arus globalisasi pada zaman kini menyaksikan pelbagai permasalahan yang dibangkitkan oleh masyarakat disebabkan kesamaran hukum. Oleh itu, Mufti memainkan peranan penting dalam menerangkan hukum-hakam yang tidak yang tidak pernah berlaku pada zaman salaf terdahulu.

Selain itu, dekatnya hubungan antara institusi fatwa dan masyarakat menjadikannya tempat tumpuan utama bagi merungkai segala permasalahan hukum-hakam daripada persoalan semasa yang muncul.⁷ Kebelakangan ini, kewibawaan sesuatu fatwa sangat dinilai oleh masyarakat seiring dengan perkembangan ilmu yang sangat pesat dengan sumber maklumat di hujung jari. Masyarakat hari ini lebih

⁶ Al-Quran, ‘Ali-Imran [003]: ayat 159.

⁷ Ahmad Akram Mahmad Robbi, Naimah Mohamad Nasir dan Irwan Mohd Subri. (2019). Pendekatan Maslahah Dalam Pemfatwaan di Malaysia: Kajian Terhadap Fatwa Terpilih. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. jil. 15. no. 1.

terbuka untuk melihat dan menilai hujah dan dalil yang menjadi asas sesuatu fatwa itu dikeluarkan. Situasi ini sudah pasti menjadi cabaran bagi Jabatan-Jabatan Mufti Negeri untuk mengeluarkan satu keputusan hukum dan fatwa bersifat realiti semasa agar natijah fatwa yang dikeluarkan tidak menimbulkan kontroversi dan polemik dalam kalangan masyarakat umumnya.

Al-Būṭīy menegaskan peranan dunia keilmuan pada masa kini perlu mengatur dan memurnikan kembali kaedah-kaedah penyelidikan Islam yang telah dibina oleh ulama silam agar seiring dengan realiti semasa.⁸ Satu garis panduan pengeluaran fatwa yang terkini dan sistematik amat dituntut seiring dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran semasa yang berlaku di Malaysia.⁹

Buku Garis Panduan Pengeluaran Fatwa yang telah diterbitkan oleh JAKIM melalui Bahagian Pengurusan Fatwa dan telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-111 pada 9-10 November 2017 boleh dijadikan contoh yang baik bagi meningkatkan kualiti kajian penyelidikan hukum. Antara objektif penerbitan “Buku Garis Panduan Pengeluaran Fatwa” tersebut adalah menjadi bahan rujukan utama kepada Jawatankuasa Fatwa dalam melaksanakan kajian hukum dengan lebih sistematik bagi mengurangkan kekeliruan dan kecelaruan hukum dan fatwa dalam masyarakat negara ini.

Pengkaji mendapati kebanyakan keputusan fatwa rasmi yang diwartakan kepada masyarakat umum adalah berbentuk *sīghah* fatwa tanpa dilampirkan dengan

⁸ Al-Būṭīy, Muḥammad Sa‘id Ramaḍān. (1990). ‘Azmah al-ma’rifah wa ‘ilājuh fī ḥayātinā al-fikr al-mu‘āsirah, dalam *al-Manhajiyat al-Islāmiyyah wa al-‘Ulūm al-Sulukiyyah wa al-Tabawiyah*. Jordan: al-Ma‘had al-‘Alamī li al-Fikr al-Islāmī. h. 59–60.

⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017). *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 2.

dalil-dalil dan hujah. Hal ini disebabkan oleh tradisi kefatwaan di mana seorang Mufti tidak diwajibkan untuk mengemukakan metode dan cara pendalilan walaupun secara realitinya mereka telah membincangkan dalil-dalil dan hujah-hujah di peringkat mesyuarat jawatankuasa fatwa negeri.¹⁰

Secara keseluruhannya, kajian ini dirancang bertujuan untuk melihat sejauh mana proses penghasilan fatwa yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dalam menjawab isu dan permasalahan yang telah dibangkitkan, berdasarkan metode penfatwaan mereka dengan mengambil kira metode penfatwaan ulama *uṣūl al-fiqh*. Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid pernah menegaskan bahawa badan yang bersifat perkumpulan para Mufti atau majlis seumpama itu perlu mempunyai agenda kerja yang teratur bagi memenuhi keperluan utamanya iaitu supaya menjadikan fatwa lebih berkesan dalam memandu kerajaan dan masyarakat ke arah kehendak Islam yang sebenar.¹¹

1.2 Permasalahan Kajian

Sesuatu penyelidikan ilmiah hanya bermula apabila wujud isu atau permasalahan yang perlu diselesaikan.¹² Setelah melakukan penelitian, pengkaji mendapati terdapat beberapa isu dan permasalahan yang menjadi asas dan faktor penting yang menjurus kepada keperluan tajuk kajian ini.

Isu atau permasalahan kajian yang pertama iaitu wujud perbezaan metode penfatwaan antara Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dengan Jawatankuasa

¹⁰ Zamri Bin Hashim. (2011). “Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010”. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 23.

¹¹ Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid. (2004). Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah*. vol. 12. no. 2. h. 91.

¹² Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajaran Islam*. Rawang: Sri Elila Resources. h. 14.

Fatwa Negeri yang lain. Perbezaan ini dapat dilihat dalam beberapa keputusan fatwa JFNPk, antaranya fatwa mengenai agihan harta pusaka kepada waris *dhawī al-arḥām* dan fatwa mengenai zakat atas pendapatan (gaji) yang dikeluarkan pada tahun 2004.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memutuskan fatwa penegahan agihan harta pusaka kepada waris *dhawī al-arḥām* dengan mengambil pandangan mazhab Shāfi’ī iaitu baitulmal akan mewarisi kesemua harta pusaka tanpa waris. Manakala Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis pada tahun 1999 telah memutuskan bahawa waris *dhawī al-arḥām* akan mewarisi kesemua harta pusaka sekiranya tiada ahli waris lain yang berhak terhadap pusaka tersebut atau harta puasa yang dibahagikan masih berbaki berdasarkan pandangan mazhab Hanafī. Perbezaan keputusan berlaku daripada sudut perbezaan takrifan mengenai *maṣlahah*.

Selain itu, fatwa mengenai zakat atas pendapatan (gaji). Pihak JFNPk memutuskan bahawa tidak wajib zakat atas gaji atau pendapatan disebabkan syarat *ḥāul* tidak berlaku. Mereka menjelaskan bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup *nisab* dan *ḥāul* kerana *ḥāul* itu adalah merupakan syarat yang disepakati oleh Jumhur Ulama dalam mazhab yang empat.¹³ Keputusan ini adalah berbeza dengan fatwa-fatwa yang lain, seperti fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MFK), Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Kelantan, Melaka, Selangor, Terengganu, Pulau Pinang, Kedah dan Sabah telah yang memutuskan wajib zakat atas pendapatan disebabkan gaji atau pendapatan termasuk di dalam *māl*

¹³ Jabatan Mufti Negeri Perak. (2023, Oktober 2). https://Mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/zakat.pdfc

al-mustafād (harta yang memberi faedah).¹⁴

Isu atau permasalahan kajian yang kedua ialah sebahagian daripada fatwa-fatwa yang dibincangkan JFNPk dalam kertas kerja fatwa tiada keseragaman dari sudut metode penfatwaan. Meskipun Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 dalam seksyen 37 Tatacara Pembuatan Fatwa, namun belum ada satu garis panduan pengeluaran fatwa sebagai panduan dan rujukan untuk kegunaan para penyelidik dalam melaksanakan kajian hukum secara sistematik disebabkan mereka menjadikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 dalam seksyen 37 Tatacara Pembuatan Fatwa sebagai panduan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa.¹⁵

Sebagai contoh fatwa mengenai ajaran Cahaya Qursani yang diputuskan sebagai ajaran sesat oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.¹⁶ Kajian mendapati tiada penghujahan dalil dalam kertas kerja fatwa tersebut, walaupun dikemukakan maklumat-maklumat dari segi *taṣawwūr* berkaitan penyelewengan akidah, syariah dan akhlak. Keadaan ini sedikit sebanyak mampu memberi kesan negatif kepada JFNPk dari sudut kualiti penyelidikan fatwa. Penyelidikan dan pembinaan hukum memerlukan asas utamanya iaitu pengaplikasian ilmu *uṣūl al-fiqh* yang merupakan disiplin utama. Pengaplikasian ilmu *uṣūl al-fiqh* inilah yang dilihat di dalam fatwa-fatwa JFNPk untuk mengetahui metode penfatwaan yang telah diimplementasikan oleh JFNPk. Ibnu al-Qayyim berpandangan adalah bagus jika

¹⁴ Portal Pusat Zakat dan Wakaf USIM. Diakses daripada <https://pwz.usim.edu.my/fatwa-zakat-pendapatan/> pada tarikh 2 Oktober 2023.

¹⁵ Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizdi. (2022, Oktober 25). Ketua Unit Istinbat, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak, Temubul Peribadi. Perak Darul Ridzuan.

¹⁶ Bahagian Fatwa. (t.t). *Fatwa Negeri Perak Tahun 2007-2014*. Ipoh: Jabatan Mufti Negeri Perak.

dikemukakan cara pendalilan di dalam sesuatu fatwa.¹⁷

Isu atau permasalahan kajian yang ketiga ialah keterikatan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dengan mazhab al-Shāfi’ī dalam memutuskan sesuatu fatwa. Keterikatan ini berlaku kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 yang telah memperuntukkan,¹⁸

43. (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakankan sesuatu pendapat di bawah seksyen 42, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab al-Syāfi’ī.

(2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad Mazhab al-Syāfi’ī sesuatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.

(3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada suatu pun *qaul* muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana mana Mazhab yang empat itu.

Merujuk enakmen di atas, berlaku fatwa-fatwa yang tidak fleksibel kepada kemaslahatan semasa. Sebagai contoh, Jawatankuasa fatwa Negeri Perak (JFNPk) dilihat pernah memutuskan beberapa fatwa yang tidak selaras dengan keputusan fatwa Muzakarah Fatwa Kebangsaan (MFK) di peringkat kebangsaan, seperti keputusan fatwa mengenai zakat atas pendapatan (gaji).

Ini dapat dibuktikan apabila fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

¹⁷ Husayn Muhammed al- Mallāh. (2001). *Al-Fatwā Nasy’atuhā wa Taṭawuruhā Uṣūluhā wa Taṭbiqatuhā*. Bayrūt: Maktabah al-‘Asriyyah. h. 627.

¹⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam. (Perak). 2004. Seksyen 43.

berkenaan zakat pendapatan (gaji) melalui Skim Potongan Gaji (SPG) adalah tidak wajib, di mana Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menolak konsep wajib zakat ke atas gaji atau pendapatan dengan alasan bahawa ia tidak memenuhi syarat wajib zakat iaitu cukup *hāul*. Hal ini disebabkan pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memutuskan fatwa berdasarkan pandangan mazhab al-Shāfi’ī dalam kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dengan ini, fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak didapati tidak selari dengan keputusan fatwa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan (MFK) dan pandangan al-Qaradawī yang memfatwakan kewajipan zakat atas gaji tanpa perlu menunggu cukup *hāul*.¹⁹

Justeru, berdasarkan ketiga-tiga permasalahan kajian yang telah dikemukakan, maka kajian ini dilakukan demi mencari suatu jawapan yang pasti bagi menambah kefahaman yang jelas kepada masyarakat umum.

1.3 Definisi Operasional Kajian

Tajuk kajian ini ialah Metode Penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Negeri Perak dari Tahun 2016 hingga 2019. Definisi operasional dilakukan terhadap beberapa kata kunci yang penting dalam kajian ini. Hal ini bertujuan menjelaskan maksud kata kunci tersebut dan mengelakkan berlaku kesalahfahaman terhadap penggunaannya dalam kajian ini.

Kajian ini mempunyai lima kata kunci utama. Pertama, metode; kedua, fatwa; ketiga, Jawatankuasa Fatwa; keempat, Negeri Perak; kelima, analisis. Justifikasi bagi setiap kata kunci ini dibincangkan secara terperinci dalam setiap

¹⁹Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir dan Luqman Abdullah. (2015). “Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa”. *Jurnal syariah*. Labuan e-Journal of muamalat and society. h. 82.

bahagian tersebut.

1.3.1 Metode

Dalam bahasa Arab, metode disebut dengan *al tharīqah* dan *al manhaj*. *Al tharīqah* bererti jalan dan *al manhaj* bererti cara atau rancangan.²⁰ Manakala dalam bahasa Inggeris, ia disebut dengan *procedure* atau *a way of doing anything*.²¹

Manakala dalam bahasa Melayu, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan metode merujuk kepada cara melakukan sesuatu atau sistem.²² Adapun menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia, ia diertikan sebagai cara kerja yang bersistem untuk memudahkan pelaksanaan suatu kegiatan yang ditentukan.²³

Berdasarkan pengertian di atas, dapat dirumuskan bahawa metode adalah merujuk kepada cara atau prosedur yang digunakan untuk mencapai tujuan tertentu dalam suatu aktiviti atau bidang tertentu.

1.3.2 Fatwa

Perkataan *al-fatwā* adalah berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud penjelasan atau penerangan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan fatwa adalah merujuk kepada keputusan tentang sesuatu hukum agama yang belum pernah diputuskan lagi berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber

²⁰ Abu Abdullah Hanafi Hj. Dollah. (2015). *Kamus al-Khalīl al-Islāmī*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise. h. 1074.

²¹ Noah Webster. (1980). *Webster's New Twentieth Century Dictionary*. Amerika Syarikat: William Collins. c. 2. h. 1134.

²² Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd. c. 4. h. 1030.

²³ Poerwadarminta. (1986). *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka. c. 9. h. 649.

hukum lain, termasuk ijтиhad oleh Mufti atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum Syarak.²⁴

Adapun perkataan fatwa dari segi istilah di sisi ulama *uṣūl al-fiqh* silam dan kontemporari, ia merujuk kepada perkhabaran, penjelasan atau penerangan oleh Mufti tentang hukum-hukum Syarak, sebagai respon kepada soalan yang ditanya.²⁵

Justeru, ‘metode penfatwaan’ bermaksud suatu proses atau pendekatan yang digunakan oleh para ulama atau lembaga fatwa dalam memberikan penilaian atau pandangan hukum Islam (fatwa) tentang suatu masalah atau pertanyaan tertentu. Metode ini mencakup langkah-langkah sistematik yang diikuti oleh para ulama.

1.3.3 Jawatankuasa

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan Jawatankuasa merujuk kepada sekumpulan orang yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau menguruskan tugas-tugas tertentu.²⁶ Oleh itu, ia merujuk kepada kumpulan orang yang diberi tugas atau tanggungjawab tertentu untuk menyelesaikan suatu masalah atau tugas dalam konteks organisasi dalam masyarakat.

Kebiasaannya, anggota jawatankuasa adalah dipilih berdasarkan keahlian atau kepentingan mereka terhadap masalah yang akan diselesaikan oleh jawatankuasa tersebut.

²⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd. c. 4. h. 408.

²⁵ Mahmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun‘im (t.t) *Mu’jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*. Miṣr: Dār al-Faḍīlāh. Juz. 3. h. 33. Husayn Muhammad al- Mallāh (2001). *Al-Fatwā Nasy’atuhā wa Taṭawuruhā Uṣūluhā wa Taṭbiqatuhā*. Bayrūt: Maktabah al-‘Asriyyah. Cet. 1. h. 397-398. Muhsin Şoleh Mulla (2007). *Dawābiṭ al-Fatwā fī Sharī‘ah al-Islāmiyah*. Makkah: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz. Cet. 2. h. 40-41.

²⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *op.cit.* h. 615.

1.3.4 Negeri Perak

Negeri Perak adalah salah satu daripada 13 negeri di Malaysia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, negeri Perak merujuk kepada negeri di barat daya Semenanjung dengan keluasan 20 668 km² dan bandar Ipoh sebagai ibu negeri.²⁷

Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, pengurusan dan pengeluaran fatwa di Negeri Perak diletakkan di bawah kuasa Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap fatwa yang dikeluarkan sama ada yang diwartakan atau tidak diwartakan merupakan hasil keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPK) yang mempunyai autoriti sepenuhnya untuk memutuskan dan mengeluarkan fatwa.²⁸

1.3.5 Analisis

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan analisis merujuk kepada penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah atau persoalan, untuk mengetahui pelbagai aspek dan ciri-ciri dengan lebih terperinci atau mendalam.²⁹ Dengan kata lain, ia merupakan satu bentuk aktiviti pengadunan data.

Menurut Idris Awang, cara menganalisis data adalah bermula dengan menilai data kemudian mengadunkannya dan membuat penafsiran terhadap data yang

²⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd. c. 4. h. 1178.

²⁸ Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir. (2015). Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 9. h. 75-76.

²⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2023). *op.cit.* h. 81.

dianalisis.³⁰ Oleh demikian, kaedah penganalisan data yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengkaji menggunakan kaedah analisis data yang bersesuaian dengan kajian supaya dapat mencapai objektif dan persoalan kajian.

1.4 Persoalan Kajian

Pihak pengkaji telah menetapkan tiga persoalan kajian. Soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah metode penfatwaan yang dihuraikan oleh para sarjana Islam bagi menangani dan menjawab persoalan hukum dan fatwa?
2. Apakah bentuk-bentuk metode yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dalam mengemukakan jawapan fatwa kepada masyarakat?
3. Adakah fatwa-fatwa yang diputuskan sepanjang tahun 2016 hingga 2019 menepati metode penfatwaan?

1.5 Objektif Kajian

Berpandukan kepada persoalan kajian di atas, terdapat tiga objektif khusus di dalam kajian ini. Objektif-objektif khusus tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti metode asas penfatwaan dalam penyelidikan fatwa berdasarkan huraian para sarjana Islam.
2. Mengenalpasti metode penfatwaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi fatwa-fatwa dari tahun 2016 hingga 2019.
3. Menganalisis fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dari tahun 2016 hingga 2019 berdasarkan metode penfatwaan yang diaplifikasi.

³⁰ Idris Awang. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan*. Selangor: Intel Multimedia and Publication. h. 75.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini penting untuk:

1. Mengetahui metode penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak semasa mengeluarkan fatwa sama ada jawapan fatwa tersebut bersesuaian dengan metode penfatwaan atau sebaliknya.
2. Menjelaskan amalan berfatwa yang sebenar mengikut panduan khusus yang telah ditetapkan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam bidang dan fatwa.
3. Menjadi perintis kepada pembinaan dan penyusunan asas-asas kaedah penyelidikan Islam.
4. Memberikan idea baru dalam menganalisis perkembangan hukum Islam dengan menggunakan kaedah dan pendekatan *uṣūl al-fiqh* yang bersesuaian dengan perubahan sosial dan masyarakat.
5. Rujukan dan panduan kepada pihak yang berminat untuk menjalankan kajian berkenaan metode penfatwaan dalam bentuk dan konteks yang berbeza.
6. Menyalurkan maklumat penting berkaitan dengan keperluan penyelidikan hukum semasa dalam amalan berfatwa.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini terbatas kepada menganalisis metode penfatwaan yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dengan merujuk kepada beberapa fatwa dari tahun 2016 hingga 2019 sebagai sampel kajian. Analisis dokumen terhadap beberapa fatwa dari tahun 2016 hingga 2019 berdasarkan buku fatwa Negeri Perak dan himpunan kertas kerja fatwa Jabatan Mufti Negeri Perak. Rasional tempoh tersebut kerana pengkaji berjaya mendapatkan himpunan kertas

kerja fatwa dari Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Perak sepanjang tempoh tersebut sahaja. Manakala tahun 2020 dan 2021 merupakan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain daripada itu, penumpuan kepada Negeri Perak sahaja bagi membolehkan pengkaji memberikan sepenuh tumpuan dalam kajian ini dengan harapan ia boleh dimanfaatkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi memartabatkan Jabatan Mufti Negeri Perak. Oleh itu, sepanjang tempoh empat tahun tersebut, kajian telah menganalisis metode penfatwaan terhadap 25 fatwa dengan melihat penggunaan disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh* sebagai kaedah istinbat.

1.8 Kajian Terdahulu

Berdasarkan kepada pembacaan dan penelitian terhadap sorotan kajian lepas, pengkaji mendapati tajuk kajian ini belum dibahaskan secara khusus. Kajian terdahulu berkenaan persoalan ini dilihat daripada tiga tema asas iaitu kajian berhubung metode penfatwaan, kajian berhubung Jabatan Mufti Negeri Perak dan kajian berhubung fatwa negeri-negeri lain. Antara beberapa contoh penulisan dan kajian adalah seperti berikut:

1.8.1 Kajian berhubung metode penfatwaan

Ulama silam *uṣūl al-fiqh* telah membincangkan bab ijтиhad di dalam karya-karya mereka. Namun, terdapat kajian yang lebih khusus membincangkan metode penfatwaan berkaitan proses pengeluaran fatwa sebagaimana dalam kajian berikut:

- a) Wan Abdul Rahman Khudzri Abdullah dengan tajuk “Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat dalam Penetapan Fatwa di Malaysia: Kajian di Jabatan-

Jabatan Mufti Terpilih”.³¹ Tesis ini bertujuan menganalisis kaedah-kaedah istinbat dalam penetapan fatwa-fatwa rasmi sepanjang tempoh sepuluh tahun mulai tahun 1990 hingga 2000 di Malaysia dengan meneliti cara Mufti menetapkan fatwa mengikut kaedah-kaedah tertentu sama ada yang digariskan dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* ataupun perundangan dalam negara yang digubal oleh pemerintah. Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap empat perkara iaitu ketekalan kaedah-kaedah istinbat, keterikatan dengan mazhab dalam amalan penfatwaan, pematuhan aspek urf atau adat setempat dan perbandingan amalan kaedah istinbat di beberapa buah Jabatan Mufti di Malaysia. Kemudian, penyelidik telah menjelaskan kepentingan mengetahui kaedah-kaedah *uṣūliyyāt al-lughawiyāt* dalam istinbat sesuatu hukum daripada sesuatu ayat, dalil atau sumber hukum. Walaupun kajian ini menumpukan terhadap analisis istinbat, namun ia tidak memfokuskan kajian terhadap jabatan Mufti negeri di Malaysia.

- b) Wan Mohd Khairul Firdaus dengan tajuk “Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam”.³² Tesis ini menjalankan kajian berkenaan pengaplikasian proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam (KPBI) bagi penyelidikan-penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Kajian ini memfokuskan dengan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti proses penfatwaan dalam Islam, menganalisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sosial dan seterusnya merumuskan aplikasi proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan

³¹ Wan Abdul Rahman Khudzri Abdullah. (2006). “Analisis penggunaan kaedah istinbat dalam penetapan fatwa di Malaysia: Kajian di jabatan-jabatan Mufti terpilih”. Tesis Ijazah Kedoktoran. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

³² Wan Mohd Khairul Firdaus. (2014). “Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam”. Tesis Ijazah Kedoktoran. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

sosial.

Setelah analisis data dijalankan maka empat kesimpulan yang dapat, pertama iaitu kepentingan fatwa dalam sejarah Islam dalam menyelesaikan permasalahan hukum. Kedua iaitu proses penfatwaan yang diamalkan pada masa kini terbahagi kepada empat peringkat. Ketiga iaitu syarat ketat kelayakan Mufti dititik beratkan oleh Islam dan keempat iaitu proses penfatwaan sesuai dijadikan sebagai proses penyelidikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam kerana kekuatan dan kelebihannya. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjalankan kajian terhadap fatwa-fatwa negeri Perak bagi mengenalpasti metode penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

- c) Mohd Saiba Yaacob dengan tajuk “Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh”.³³ Tesis ini mengkaji prinsip-prinsip umum syariah dalam penentuan hukum. Selain itu, ia juga mengenal pasti metodologi syariah dalam penerapan hukum pada zaman penurunan wahyu, *maqāṣid al-sharīah* dan hubungannya terhadap beberapa kaedah ijtihad yang dibicarakan dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*. Kajian ini membuktikan kaedah yang digunakan oleh semua *fuqahā'* dalam mengisbatkan sesuatu hukum *furu'* adalah bersumberkan daripada prinsip-prinsip umum dan objektif kajian yang sudah terkandung dalam al-Quran dan hadis. Seterusnya, kelahiran hukum-hukum yang diperselisihkan pula adalah berpunca daripada kewujudan dalil-dalil yang bertentangan dalam pelbagai persoalan yang tidak diperincikan oleh

³³ Mohd Saiba Yaacob. (2000). “Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh”. Tesis Sarjana Syariah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

syariah secara *qat’ī*. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan metode penfatwaan di peringkat jabatan Mufti di Malaysia.

- d) Noor Naemah Binti Abdul Raman bertajuk “Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al-Quran”.³⁴ Kajian ini lebih memfokuskan kepada mengetahui gaya dan teknik persesembahan al-Quran dalam menangani isu hukum di mana amalan fatwa sebagai metode penyelesaian hukum dalam menangani isu yang timbul menjadi perhatian dalam perbincangan ayat-ayat al-Quran. Kajian ini telah menyentuh dua panduan utama yang berkait dengan pihak Mufti sebagai pihak yang mengemukakan fatwa dan pihak *al-mustafī* sebagai pihak yang mengemukakan persoalan.

Al-Quran atas kapasitinya sebagai rujukan utama hukum Islam telah mengambil dua pendekatan yang popular iaitu sama ada dengan mengemukakan jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang ditanya atau dengan mengemukakan jawapan hukum bukan atas sifat sebagai jawapan kepada perkara yang dipersoalkan, tetapi sebagai suatu keterangan dan penjelasan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan perbincangan berkenaan satu metode penfatwaan sahaja iaitu al-Quran.

- e) Lailiyah Buang Lara dengan tajuk “Metode *Istinbaṭ* Hukum Imam al-Shāfi’ī: Telaah atas Konsep Kadar Nafkah Isteri”.³⁵ Kajian ini membincangkan

³⁴ Noor Naemah Binti Abdul Raman. (2001). Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa menurut al-Quran. *Jurnal Syariah*. 10:1 (2002) J 25-38. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

³⁵ Lailiyah Buang Lara. (2017). “Metode Istibnabat Hukum Imam al-Shāfi’ī: Telaah atas konsep kadar nafkah isteri”. *Jurnal Agama dan Hak Asasi Manusia*. 6 (2). 266-292.

aplikasi kaedah istinbat hukum Imam Shāfi‘ī ke atas konsep kadar nafkah isteri. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa metode pemikiran yang diaplifikasi oleh Imam Shāfi‘ī dalam istinbat hukum dalam konsep kadar nafkah isteri ialah menggunakan metode dalil qias iaitu pada penentuan jumlah kadar minima yang semestinya dipenuhi oleh suami terhadap isteri sesuai dengan keadaan suami dan penafsiran lafaza *mantūq gharu ṣarīḥ* iaitu penafsiran makna *ma’rūf* pada ayat yang menjelaskan tentang bagaimana konsep pemberian nafkah kepada isteri. Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa metode tafsiran dan istinbat hukum Imam al-Shāfi‘ī merupakan pakej lengkap sebagai metodologi penafsiran al-Quran. Terdapat tujuh sumber pentafsiran yang terdiri daripada al-Quran, hadis, para Sahabat, ijmak, qias dan Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan perbincangan berkenaan metode *istinbat* hukum Imam al-Shāfi‘ī sahaja.

- f) Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin dengan tajuk “Metode Fatwa Sheikh ‘Alī Juma‘ah dalam Kitab *Al-Kalim Al-Tayyib – Fatāwā ‘Aṣriyyah*”.³⁶ Kajian ini mendapati bahawa beliau telah merujuk sumber al-Quran dan hadis sebagai rujukan utama. Begitu juga beliau tidak mengenepikan sumber *al-ijmā’*, *al-qiyās*, *fatwā al-sahābah*, *maṣālih al-mursalah*, *sad al-dharā’ī*, *al-istihsān*, *al-istiṣḥāb*, *al-‘urf* termasuklah *al-qawā’id al-fiqhiyyah*. Di samping itu, beliau juga tidak ketinggalan mengemukakan rujukan kitab-kitab turāth dalam perbincangan fatwanya. Sumber-sumber tersebut digunakan oleh beliau tanpa mengikut tertib, namun bergantung kepada kesesuaian dan kepentingan masyarakat.

³⁶ Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin. (2011). “Metode Fatwa Sheikh ‘Alī Juma‘ah Dalam Kitab Al-Kalim Al-Tayyib – Fatāwā ‘Aṣriyyah”. Tesis Sarjana Syariah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kajian Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin ini juga mendapati bahawa penulis di dalam kitabnya tidak terikat dengan mazhab tertentu dan kemudiannya beliau memilih pendapat yang paling sesuai berdasarkan kepentingan masyarakat. Kesimpulannya, ternyata beliau menggunakan pelbagai metode dalam menentukan hukum bagi setiap permasalahan yang dibincangkan serta beliau mementingkan maslahah umat Islam selagi mana ia tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan perbincangan berkenaan metode penfatwaan Sheikh ‘Alī Juma‘ah sahaja.

1.8.2 Kajian berhubung Jabatan Mufti Negeri Perak

Seterusnya, pengkaji mendapati ada lima kajian berkaitan dengan fatwa keluaran Jabatan Mufti Negeri Perak yang iaitu kajian oleh:

- a) Zamri bin Hashim dengan tajuk “Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian tentang Penggunaanya dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010”.³⁷ Tesis ini dilihat lebih lebih memberi tumpuan kepada kaedah pendalilan berdasarkan sumber al-Quran sahaja di mana pengkaji menggabungkan antara dalil al-Quran dan tafsirannya serta perbahasan Uṣūl al-Fiqh yang menyentuh isu kefatwaan bagi melihat sejauh mana penggunaan dalil al-Quran di dalam kebanyakan fatwa Negeri Perak yang telah dikeluarkan.

Tesis ini cuba menerangkan perbahasan manhaj al-Quran yang

³⁷ Zamri Hashim. (2011). “Kaedah Pendalilan Berasaskan Al-Quran: Kajian tentang Penggunaanya dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010”. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

menjelaskan bahawa ayat-ayat sesuatu hukum tidak diletakkan pada satu surah atau satu tempat sahaja, sebaliknya ia terletak di beberapa surah al-Quran. Ini menunjukkan bahawa hukum-hakam Allah SWT yang terdapat di dalam al-Quran adalah wajib diamalkan secara menyeluruh dan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Kemudian, beberapa isu fatwa semasa dianalisis setiap satu bagi melihat sejauh mana penggunaan dalil al-Quran bagi menyokong sesuatu fatwa. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membincangkan metode penfatwaan terhadap Jabatan Mufti di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya membincangkan pendekatan metode penfatwaan melalui satu pendekatan sahaja iaitu pendalilan al-Quran.

- b) Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir dan Luqman Abdullah dengan tajuk “Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa”.³⁸ Kajian ini hanya menumpukan penelitian terhadap fatwa-fatwa zakat bermula dari tahun 1986 hingga 2011 di Negeri Perak. Kajian ini cuba meneliti kaedah atau sandaran hujah yang diguna pakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk) dalam mengeluarkan fatwa terutamanya berkaitan dengan hukum zakat sepanjang tempoh ini.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk-bentuk fatwa yang dikeluarkan adalah berdasarkan pandangan jumhur dan pendapat minoriti ulama serta juga menerima pakai keputusan fatwa kebangsaan. Namun begitu terdapat juga fatwa yang agak ringkas dan tanpa menyertakan sumber rujukan daripada nas-nas al-Quran atau hadis serta daripada kitab-

³⁸ Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir dan Luqman Abdullah. (t.t). “Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa”. *Jurnal syariah*. Labuan ejournal of muamalat and society.

kitab ulama yang muktabar. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada analisa fatwa-fatwa zakat Jabatan Mufti Negeri Perak sahaja.

- c) Aisah Abol bertajuk “Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa”.³⁹ Kajian ini dilihat menumpukan perbincangan terhadap pentadbiran Jabatan Mufti Negeri Perak. Perkara tersebut dibuktikan apabila kajian yang dijalankan adalah terhadap sejarah kewujudan institusi fatwa, kedudukan Mufti dan jawatankuasa syariah (fatwa) daripada sudut undang-undang, aktiviti dan sumber manusia, prosedur pembuatan fatwa dan penyebaran fatwa. Walaubagaimanapun, kajian ini didapati tidak menjalankan analisis isu-isu fatwa bagi mengenalpasti metode penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (JFNPk).
- d) Amalul Izzah binti Hassan bertajuk: “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari Tahun 1995 hingga 2002: Satu Analisis”.⁴⁰ Kajian ini lebih memberikan tumpuan kepada menjalankan analisis statistik terhadap fatwa-fatwa tertentu sahaja di mana fatwa-fatwa tersebut dibahagikan kepada bidang-bidang tertentu dan tahun keluaran fatwa. Walaupun analisis ketetapan hukum telah dijalankan dalam kajian ini dengan menganalisa keputusan hukum, namun ia tidak menganalisis metode penfatwaan dari sudut dalil-dalil yang digunakan sehingga sesuatu hukum itu dimuktamadkan.

³⁹ Asiah Abol. (1990). “Undang-undang Islam Negeri Perak Darul Ridzuan: Suatu Tinjauan Mengenai Pentadbiran Fatwa”. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Fakulti Shariah Universiti Malaya.

⁴⁰ Amalul Izzah. (2003). “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari Tahun 1995 hingga 2002: Satu Analisis”. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- e) Zafarulazlin Zan bertajuk: “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999: Satu Analisis”.⁴¹ Kajian ini lebih tertumpu kepada penganalisisan bilangan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan bilangan keputusan mesyuarat fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada analisis dari sudut statistik tanpa melibatkan kajian perbahasan *usūl al-fiqh* sama ada dari sudut hukum atau dalil bagi fatwa-fatwa berkenaan.
- f) Zulfaqar mamat, Mohd Nasran dan Hydzulkifli Hashim dengan kajian bertajuk “Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa tahun 2000-2009”.⁴² Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam usaha menganalisis beberapa keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh kedua-dua institusi fatwa untuk melihat dari sudut persamaan dan perbezaan antara kedua-dua badan tersebut. Matlamat kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor persamaan dan juga perbezaan yang wujud dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh kedua-dua institusi ini dari tahun 2000 hingga 2009 dari aspek penyelarasan fatwa.

Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 21 fatwa (18.26 peratus) pula didapati berbeza hukum dan *sighah* antara MJFK dan Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri. Antara sebab yang dikenal pasti ialah wujudnya perbezaan

⁴¹ Zafarulazlin Zan. (2000). “Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Dari 1990 hingga 1999: Satu Analisis”. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Bahagian Pengajian Shariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

⁴² Zulfaqar mamat, Mohd Nasran dan Hydzulkifli Hashim. (2013). “Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa tahun 2000-2009”. *International Journal of Management Studies (IJMS)*. 20 (2). pp. 145-166. ISSN 2180-2467. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

dalam menentukan *aulawiyyat* (keutamaan) terhadap sesuatu perkara. Selain itu, perbezaan dalam memahami realiti setempat dan perbezaan dalam mentarjih dalil-dalil yang umum juga mendorong kepada berlakunya ketidakselarasan fatwa antara MJFK dan negeri-negeri. Meskipun begitu, kajian di atas tidak menyatakan penggunaan metode-metode dalam berfatwa, tetapi hanya menumpukan kepada perbandingan keputusan fatwa.

- g) Ashlah binti Ibrahim dan Adnin binti Ibrahim dengan kajian bertajuk “Pelaksanaan Istibdal dan Pembangunan Tanah Wakaf di Perak”. Kajian ini lebih menumpukan kepada penjelasan konsep *istibdal* wakaf, menganalisis pelaksanaan *istibdal* tanah wakaf di bawah Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) dan langkah-langkah pelaksanaannya di bawah MAIPk serta pembangunan lot-lot tanah wakaf di Perak. Adapun objektif kajian ini ialah untuk meneroka potensi tanah wakaf terutamanya pembangunan dan *istibdal* tanah wakaf khusus di negeri Perak. Akhirnya, kajian ini menjelaskan bahawa *istibdal* merupakan instrumen yang wajar dilaksanakan untuk memperkasakan lagi usaha pembangunan harta tanah wakaf yang berpotensi di Malaysia. Meskipun begitu, kajian di atas tidak menyatakan penggunaan metode-metode lain dalam berfatwa, tetapi hanya menumpukan perbincangan ulama berkenaan konsep *istibdal* wakaf.

1.8.3 Kajian berhubung fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan negeri-negeri lain

Seterusnya, pengkaji mendapati ada enam kajian berkaitan dengan fatwa keluaran institusi fatwa selain Jabatan Mufti Perak, iaitu kajian oleh: